

23 DEC 2003

CHINA-DELEGASI/I

DELEGASI CHINA BERMINAT UTK BERINTERAKSI DGN AHLI PERNIAGAAN TEMPATAN

PUTRAJAYA, 23 Dis (Bernama) -- Delegasi 38 anggota dari China yang mewakili usahawan muda yang berada di sini selama enam hari untuk melawat Malaysia, hari ini mengunjungi bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad di pejabatnya di Yayasan Kepimpinan Perdana di Pricinct 8, di sini.

Pengerusi bersama Majlis Perniagaan Malaysia-China (MCBC) Tan Sri Lee Kim Yew berkata delegasi berkenaan yang terdiri daripada ketua-ketua pegawai eksekutif dan pengerusi-pengerusi syarikat yang berpangkalan di Beijing daripada pelbagai industri, berhasrat benar untuk berinteraksi dengan ahli perniagaan Malaysia bagi mengetahui sendiri perniagaan tempatan.

MCBC merupakan penganjur kepada lawatan delegasi itu bersama-sama dengan pejabat Kedutaan China.

Beliau berkata beliau berbangga dengan usahawan muda yang memberi keutamaan kepada Malaysia sebagai destinasi pertama mereka.

"Kami berharap dengan interaksi sebegini, mereka boleh mempelajari banyak benda di sini memandangkan kami mempunyai banyak pasaran dan kami boleh berkongsi teknologi dan kos pelaburan masing-masing," kata beliau selepas delegasi itu menemui Tun Dr Mahathir.

Lee berkata delegasi itu terdiri daripada usahawan terkenal serta berpotensi dan mereka merupakan bekas pelajar Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Tsinghua, pusat pengajian perniagaan ternama di China.

"Di samping menjadi ahli perniagaan, graduan universiti berkenaan banyak menulis mengenai perniagaan di Malaysia," katanya.

Beliau berkata anggota delegasi berminat untuk berkongsi pengetahuan mereka mengenai penciptaan produk dan inovasi perniagaan dengan rakan sejawatan Malaysia.

Lee berkata delegasi China itu akan diberikan lebih banyak maklumat mengenai perniagaan Malaysia apabila mereka menghadiri forum perniagaan bertajuk "2004: Kerjasama Dua hala Malaysia-China: Prospek dan Cabaran".

MCBC, kata beliau akan membawa usahawan muda Malaysia ke forum itu untuk mengadakan perbincangan dengan rakan sejawatan yang melawat untuk kemungkinan mendapatkan perniagaan baru atau usaha sama. -- BERNAMA

RIZ OS NHD